



BISYOP DIOSIS

The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

BISYOP SUFFRAGAN

- **Diosis Kawasan Timur Diosis Sabah**

The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

- **Diosis Kawasan Barat Diosis Sabah**

The Rt. Revd. Kenneth Thien

- **Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah**

The Rt. Revd. John Yeo

REKTOR

The Rt. Revd. John Yeo

PEMBANTU REKTOR

Revd. Ho Kee Chung

PADERI/PASTOR

Revd. Fredoline Babiah

Revd. Robert Chin (Sukarela)

Revd. Dr. Moses O. Afful Jr. (Sukarela)

Ps. Teh Chong Lay (Sukarela)

ZON BI: REV NELSON TAI ZUN BIN

- **Dewasa:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun

- **Belia:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun

- **Muda-Mudi:** Revd. Nelson Tai Zun Bin

- **Kanak-Kanak:** Doris Chin

ZON BC: REV. HO KEE CHUNG

- **Dewasa:** Revd. Ho Kee Chung

- **Belia:** Alan Chung

- **Muda-Mudi:** Yvonne Lee

- **Kanak-Kanak:** Chan Mei Yong

- **Warga Emas:** Kok Feh Ken

ZON BM:

- **SPC:** Revd. Anzen Daud

- **PJA:** Revd. Majelus Majar

- **Dewasa:** Revd. Anzen Daud

- **Belia:** Danny Daniel

- **Muda-Mudi:** Jackson Samuel

- **Kanak-kanak:** Meros Majar

PELAYANAN SOKONGAN

- **Penjagaan & Kasih:**

Alex Wong Chun Sang

- **Kaunseling:** Ps. Lim Bun Hui

- **Sistem Bunyi:** Jackson Samuel

- **Doa:** Chu Sui Fun

- **Pasukan Pujian:** Esther Hoo

- **Pusat Sumber:** Jeanie Hiew

STAF PENTADBIRAN

- **PA Rektor:** Annie Chiew

- **Pentadbiran:** Margaret Khong

- **Penyelenggaraan:**

Rommel Lumantas

- **Pengangkutan:**

Rommel Lumantas

- **Kebersihan:** Margaret Khong

GEREJA MIISI

- **Tarakan**

Revd. Jakobus Chong

Revd. Roy Nol Simon

- **Nunukan, Sei Menggaris, Sebakis**

Revd. Martin Ataring

Revd. Ferdinan Atonis

Revd. Alexander Nenotek

Ps. Christinah Simon

Mesej Rektor



BERNYANYILAH KEPADA TUHAN

Dan janganlah kamu mabuk oleh anggur, karena anggur menimbulkan hawa nafsu, tetapi hendaklah kamu penuh dengan Roh, dan berkata-katalah seorang kepada yang lain dalam mazmur, kidung puji-pujian dan nyanyian rohani. Bernyanyi dan bersoraklah bagi Tuhan dengan segenap hati. Ucaplah syukur senantiasa atas segala sesuatu dalam nama Tuhan kita Yesus Kristus kepada

Allah dan Bapa kita. (Efesus 5:18-20)

Bernyanyi di gereja bukan sekadar tindakan penyembahan; ia juga merupakan ungkapan yang kuat tentang iman dan kesatuan kita sebagai sebuah komuniti. Apabila kita mengangkat suara bersama, kita mencerminkan kegembiraan dan kesyukuran yang memenuhi hati kita. Petikan daripada Efesus ini mengingatkan kita bahawa menyanyikan mazmur, kidung pujian (hymn) dan nyanyian rohani adalah cara untuk memuliakan Tuhan dalam kesyukuran dan saling menguatkan antara satu sama lain di dalam Tubuh Kristus.

Kami dengan sukacitanya mengalu-alukan kedatangan Archdeacon Moses dan Puan Lorraine Chin bersama pasukan Koir Gereja-Gereja Anglikan Kota Kinabalu di tengah-tengah kita pada hujung minggu ini. Kami bersyukur atas lawatan dan dorongan mereka dalam memimpin kita untuk bersama-sama menyembah Tuhan. Kami benar-benar diberkati oleh pelayanan mereka melalui kidung pujian (hymn) dan lagu-lagu, dan saya percaya bahawa ahli koir SPC kita yang kecil turut diberkati oleh komitmen dan teladan mereka.

Marilah kita terus mendorong antara satu sama lain, menghasilkan muzik daripada hati kita kepada Tuhan, dan mempersembahkan kepada-Nya pujian dan syukur yang benar-benar layak bagi Dia, sebagaimana Ibrani 13:15 menasihati kita – *Sebab itu marilah kita, oleh Dia, senantiasa mempersembahkan korban syukur kepada Allah, yaitu ucapan bibir yang memuliakan nama-Nya.*

Alamat: P.O. Box 279, 91007 Tawau, Sabah.

Tel: 089-772212 (Pejabat Gereja)

Email: spctawau@gmail.com | Laman Web: <https://www.hoprayer.org.my>



MENARA DOA

Setiap hari Isnin
7:30 Malam | PJA

"..Naikkanlah permohonan, doa syafaat dan ucapan syukur untuk semua orang, untuk raja-raja dan untuk semua pembesar, agar kita dapat hidup tenang dan tenteram dalam segala kesalehan dan kehormatan."

2 Timotius 2:1-2

Berita



"STEP UP" DAY CAMP

16 Mei 2026 (Sabtu)

7:30 pagi - 4:00 petang

Sekolah Visi Tawau

*Terbuka kepada pelajar berumur
11-12 tahun*

LATIHAN PEMIMPIN SEL BELIA, MUDA-MUDI DAN KANAK-KANAK

21 April 2026 (Selasa)

7:30 malam | PJA

PENGUMUMAN PERKAHWINAN

Henderson Bin Johni

&

Rashida Rabai A/k Rumpoh

Sekiranya jemaat mengetahui sebab mereka tidak dapat disatukan dalam nikah kudus sila maklumkan kepada pihak gereja.

Sebagai makluman ini merupakan pengumuman yang **pertama**.

KELAS PENETAPAN

Setiap hari Rabu

7:30 malam | PJA

SUKANEKA KELUARGA PJA

01 Mei 2026 (Jumaat)

7:00 pagi

Padang SMK Kinabutan

*Sila daftarkan diri anda melalui
Kelompok Sel masing-masing.*

Tarikh Tutup Pendaftaran :

20 April (Isnin)

BERDOA UNTUK NEGARA MALAYSIA

- Berdoa agar Tuhan mengaruniakan pengertian dan hikmat kepada pemerintah, menstabilkan bekalan sumber, serta memimpin negara dalam keadilan, damai, dan ketertiban.
- Berdoa agar Tuhan menyediakan keperluan bagi rakyat, mengaruniakan hikmat dalam pengelolaan, serta memelihara kestabilan sosial dan kesejahteraan keluarga.

PELAYANAN : BISYOP JOHN YEO

Bisyop John dan isteri akan berada di Gereja St. Augustine Merotai untuk Kebaktian Penetapan pada minggu ini. Mohon bantu mereka dalam doa anda.

Gereja

PELANCARAN LAWATAN MISI

Jemaat yang berminat untuk menyertai Lawatan Misi, sila ambil borang pendaftaran di meja yang terletak di pintu masuk gereja.

Kami akan mengumpulkan jumlah peserta pada 11 Mei (Isnin), dan latihan akan dimulakan dalam masa terdekat.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

Bahasa Inggeris

Doris Chin (013 888 0995)

Bahasa Cina

Allan Chung - 012 813 3000

Bahasa Malaysia

Lareus Loko - 016 879 3501

*"Pergilah ke seluruh dunia,
beritakanlah Injil kepada
segala makhluk."*

Markus 16:15

PEMBERIAN PERSEMBAHAN



Persepuluhan



Persembahan

PINDAHAN DALAM TALIAN

⇒ Public Bank: 3091827035

Sila hantar salinan slip ke **011-59954101**

Cek: St. Patrick's Church, Tawau

E-BULETIN



Muat turun E-Buletin melalui
laman web

<https://www.hoprayer.org.my>

STATISTIK KELOMPOK SEL 2026

Zon	Jumlah Sel	Feb	Mac
BAHASA INGGERIS			
Dewasa	14	57	72
Belia	2	5	14
Muda-Mudi	7	67	52
Kanak-Kanak	7	37	35

BAHASA CINA

Dewasa	44	-	419
Belia	4	-	15
Muda-Mudi	5	28	23
Kanak-Kanak	10	56	49
Warga Tua	8	86	84

BAHASA MALAYSIA

Dewasa	49	339	361
Belia	9	55	52
Muda-Mudi	26	152	184
Kanak-Kanak	19	96	96

PUSAT JANGKAUAN APAS BATU 5

Dewasa	18	110	137
Belia & Muda-Mudi	17	102	111
Kanak-Kanak	16	50	70
JUMLAH	255	1,033	1,774

DARI KETAKUTAN MENJADI DAMAI SEJAHTERA

LUKAS 24:36-49

- 1. DAMAI DENGAN ALLAH – Yesus Raja Damai kita**
- 2. DAMAI SETIAP HARI – Yesus Sumber Damai Kita**
- 3. DAMAI YANG HARUS DIB'RITAKAN – Firman dan Amanat Agung yang memelihara damai kita.**

Penerapan Firman Tuhan

1. Apakah ketakutan terbesar dalam hidup anda? Bagaimanakah pemahaman bahawa Yesus sudah melunaskan hutang dosa anda mengubah pandangan dan perasaan anda terhadap Allah sekarang?
2. Yesus menggunakan perumpamaan pokok anggur dan rantingnya (Yohanes 15:4) untuk mengajar bahawa damai datang ketika kita 'tinggal di dalam Dia'. Apakah satu tabiat rohani yang ingin anda mulakan atau perbaiki untuk benar-benar 'tinggal' dalam Yesus setiap hari?
3. Antara tiga perkara ini, yang manakah paling sering merampas damai anda: ketakutan akan masa depan, kepahitan terhadap seseorang, atau rasa bersalah atas dosa masa lalu?" Kongsikan dan saling mendoakan.